



# Tulisan Jawi

SEMINAR KEBANGSAAN

Memartabatkan Tulisan Jawi Ke Arah Memperkaya Ilmu

Tarikh: 25 - 27 Ogos 2008 Tempat: Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam

## ANJURAN



Dengan Kerjasama



Perpustakaan  
Negara Malaysia



Kementerian Perpaduan,  
Ketahanaman, Komunikasi  
dan Warisan



Ajtorian Penerjemah  
Buku Melayu



Utusan

SEMINAR KEBANGSAAN

# Tulisan Jawi


Memartabatkan Tulisan Jawi Ke Arah Memperkaya Ilmu

Tarikh: 25 - 27 Ogos 2008 Tempat: Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam

ANJURAN



Dengan kerjasama



Utusan



پرنایت اونیورسیتی یقندید سلطان ادریس  
PENERBIT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Reka Letak dan Susunan Prosiding oleh  
Penerbit UPSI

# KANDUNGAN

## Prakata

## PERKEMBANGAN DAN SEJARAH TULISAN JAWI

1. Kitaran Sejarah Huruf Jawi dan Kaitannya dengan Huruf Arab Lain dalam Dunia Islam  
Abd Rahman bin Hj Hamzah 1 - 10
2. Tulisan Jawi: Tinjauan dalam Tamadun Melayu  
Mohd. Syarie Sudin Abdullah dan Mohd Noor Daud 11 - 21
3. سجارة اصل اوصول دان فركيبين توليسن جاوي  
Amat Juhari Moain, Bangi, Selangor 22 - 32
4. *Hukum Kanun Pahang : Tulisan Jawi dan Isi Kandungannya*  
Yaakub Isa, Muzium Pahang 33 - 46
5. رحلة الحرف العربي إلى الملايوية  
Najib Ali Abdullah 47 - 56

## PERANAN TULISAN JAWI DAN PROSPEK MASA HADAPAN

1. Kemahiran Tulisan Jawi dalam Kalangan Mahasiswa:  
*Tinjauan Awal di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*  
Rosfaliah binti Abd. Rahman, Ayu Nor Azilah Ayu Nor Azilah binti Mohamad Zetty Nurzuliana bt Rashed 57 - 68
2. Peranan Tulisan Jawi Dalam Mewarnai Penulisan di Malaysia  
Siti Khariah Mohd Zubir 69 - 73
3. Peranan Pa.Ba.Mim.Ba di Raja dalam Menghasilkan Tulisan Jawi  
Abdal Hamid Awang 74 - 81
4. Tulisan Jawi dalam Laporan Rasmi Agensi Kerajaan  
(Sebelum Perang Dunia Kedua)  
Haryati Hassan 82 - 92

## TEKNOLOGI DAN TULISAN JAWI

1. Tulisan Jawi pada Era Sains dan Teknologi:  
*Perkembangan dan Prospek*  
Abdul Rahman Bin Chik 93 - 101
2. توليسن ساوي نامه قبرینه بو کو قلیدیهان دان پاصاھن عسوم دسی لقیکنن مېھ نېلائن  
Hashim Hj Musa & Dr Adi Yasran Abd Aziz 102 - 115
3. Aplikasi Multimedia Jawi Dalam Talian: Satu Pendekatan Pengajaran  
Janudin Sardi 116 - 127
4. Pembinaan Sistem Data Korpus Berkomputer Tulisan Jawi  
Mohd Ra'in Shaari 128 - 139

## **KAEDAH PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN TULISAN JAWI**

1. Pengajaran dan Pembelajaran Tulisan Jawi Kang Kyung Seok 140 - 175
2. Kebertekalan Kaedah Gantungan Bumi Kata (*Klik Klik dalam Pengajaran Jawi Pertama*) Awal Isahak Haton 174 - 178
3. Melestari Tradisi Ummi: Metodologi Pendidikan Jawi dan Terjemahan Hjh. Che Suh Hj. Che Man 179 - 193
4. Memperkenalkan Pendekatan Alternatif untuk Mengasai Kemahiran Membaca Jawi dalam Kalangan Pelajar Abd Razak Bin Abu Chik 184 - 193
5. Kaedah Pengajaran Jawi Pertingkat Permatang: Satu Per cubaan Awal Ahmad Faizal bin Adnan dan Muhammad Bukhari Lubis 193 - 198
6. Pengajaran dan Pembelajaran Tulisan Jawi – Memperkaya Tamadun Bangsa Ismail Abd. Rahman 199 - 212

## **PENDIDIKAN SENI KHAT**

1. Ke Arah Memupuk Minat Penulisan Jawi Melalui Pendekatan Seni Khat Mohd Azhar Ali 213 - 222
2. Seni Khat Islami: Pelestarian di Masjid-masjid Negeri Perak Muhammad Bukhari Lubis, Idris Mohamad Radzi dan Mohammad Anas bin AlMuhsin 223 - 237

## **TERJEMAHAN DALAM PENYEBARAN ISLAM DAN PERKEMBANGAN BAHASA**

1. Kesan Terjemahan dalam Pengajaran Bahasa Arab Rosni bin Samah 238 - 245
2. Penterjemahan Rencana Berita Arab Atas Talian: *Satu Pengalaman* Azman Bin Che Mat 246 - 251
3. Menilai Tepat Ketepatan Terjemahan Teks-Teks Hadith Yang Terdapat dalam Buku-Buku Panduan Ibadat Haji, Umrah dan Ziarah Anzaruddin Ahmad 252 - 257
4. Penterjemahan Kulihki dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Muhammad Faizi Junungan 258 - 261
5. Peranan Kajian Penterjemahan Bahasa Arab ke Bahasa Melayu dan Bahasa Melayu ke Bahasa Arab di IPTA/S Tembah Iklan dalam Industri Pelancungan Negara : *Satu Tinjauan Awal* Mohamed Ismail & Alfiqah, KUlb 262 - 267

## PRAKATA

Alhamdulillah, dengan penuh kerendahan hati kami memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kepada Ilahi J.J kerana dengan limpahan rahmat dan izin-Nya dapat kami selesaikan urusan penerbitan sehimpunan kertas kerja untuk Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi. Boleh dikatakan sebahagian besar kertas kerja untuk seminar berkenaan dapat kami selenggara dan terbitkan dalam bentuk cetak ikut permintaan (CIP). Kertas kerja yang tersedia ini telah disunting, namun tidaklah secara rinci dan lengkap. Insya-Allah segala kertas yang dibentang dalam seminar ini – termasuk yang dalam bentuk eceran - akan dibukukan dalam edisi yang selengkapnya (menjadi sebuah prosiding).

Buku ini dimungkinkan penerbitannya demi menjayakan Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi yang diadakan pada 25-27 Ogos 2008 di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam. Ruang lingkup perbincangan bertemakan memartabatkan tulisan jawi ke arah memperkaya ilmu. Seminar ini julung kali dianjurkan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) (dalam rangka ulang tahun ke-86-nya); dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM); Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM); Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM); dan Utusan Melayu.

Seminar ini bertujuan memugarkan kembali penggunaan aksara jawi dan penataran serta perkembangan ilmu, khususnya dalam bahasa Melayu. Dengan itu, diharapkan tulisan jawi dapat dimartabatkan semula seperti pada zaman keagungan nasionalisme tiga suku abad yang lalu. Seminar ini juga memasukkan subtema terjemahan (Arab-Melayu) kerana ia berkait rapat dengan asal usul aksar jawi yang berasal daripada tulisan dalam bahasa Arab, di samping hasrat untuk melihat bagaimana para penterjemah silam memindahkan pelbagai disiplin ilmu dari bahasa Arab ke bahasa Melayu dalam bentuk tulisan yang sama namun berbeza bahasanya, dan kegiatan terjemahan ini tetap berterusan hingga ke zaman pembuanaan (globalisasi) sekarang ini.

Penerbitan buku ini tidak akan menjadi kenyataan jika tidak mendapat kerjasama yang erat daripada beberapa pihak. Dalam kesempatan ini, kami berbesar hati merakamkan rasa terima kasih kepada para pembentang/penulis kertas kerja yang telah sudi menyumbangkan kertas kerja untuk dimuatkan dalam himpunan ini. Mereka terdiri daripada para sarjana yang tidak asing lagi dalam bidang tulisan jawi, bahasa dan sastera Melayu, pedagogi, terjemahan, atau tamadun Islam; baik dari dalam maupun luar negara.

Kami juga mencucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Aminah binti Ayob; Prof. Dr. Zakaria Kasa, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPSI; Dr. Hj. Abdul Ghani Abu, Dekan Fakulti Bahasa; Prof. Dr. Adnan bin Mohd. Nawang, Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan; dan Prof. Madya Dr. Marzita binti Puteh, Pengarah Penerbit UPSI yang tidak henti-henti memberi galakan, sumbang saran, dan bantuan sehingga lahirnya buku ini.

Seterusnya kami mengajukan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan Arm Networks Sdn Bhd dan Percetakan Watan Sdn Bhd. yang sudi memberi kerjasama dan bantuan dalam urusan percetakan buku ini. Begitu juga kepada Puan Maziah Zee Abdullah., Cik Rafizah Zainal Kasim dan Cik Norreha Mustafa dari Penerbit UPSI yang telah menaip dan menyusun atur kertas kerja yang terhimpun ini. Moga-moga usaha kerdil kami ini memberi manfaat kepada semua pembaca, khasnya mereka yang prihatin dan sentiasa bersimpati terhadap aksara jawi serta mengikuti perkembangannya.

### Penyusun

Prof. Dr. Muhammad Bukhari Lubis

Taj Rijal bin Mohd. Romli

Zarima binti Mohd Zakaria



# **Perkembangan dan Sejarah Tulisan Jawi**

SEMINAR KEBANGSAAN  
*Tulisan Jawi*  
Membangunkan Tulisan Jawi Ke Arca Mempertajam Tora

## KE ARAH MEMUPUK MINAT PENULISAN JAWI MELALUI PENDEKATAN SENI KHAT

Mohd Azhar bin Ali<sup>1</sup>  
[amazhar@cls.unimas.my](mailto:amazhar@cls.unimas.my)

### PENGENALAN

Skrip Jawi merupakan skrip Arab yang diadaptasikan ke dalam ejaan Bahasa Melayu sesudah abad ke-7 Hijrah/ke-13 Masihi ketika ajaran Islam datang ke rantau ini (Jones, 1983). Orang Melayu menerima secara langsung sistem tulisan ini daripada orang Arab yang mula-mula memperkenalkan sistem tulisan Arab untuk menulis Bahasa Melayu, yang seterusnya masyhur dengan nama tulisan Jawi (Shellabear, 1901). Makalahlah Bahasa Melayu persuratan yang menggunakan tulisan Jawi yang bertindak sebagai wahana atau alat penyebaran ilmu dan maklumat, tradisi keintelektualan dan kesusasteraan Islam.

Kaligrafi atau khat pula membawa maksud "seni tulisan indah" manakala dari segi pengertian istilah, khat merupakan ilmu yang memperkenalkan bentuk huruf-huruf tunggal, sistem tataletaknya (*layout*), cara merangkaikannya dan menggabung jalin huruf-huruf dalam olahan ayat (Syekh Syamsudin al-Akfani,*undated*).

Mungkin ramai yang terkeliru tentang seni khat atau lebih jelas lagi antara Khat Arab dan Khat Jawi. Keistimewaan tulisan Arab terletak pada nilai seni kaligrafinya yang pelbagai. Manakala tulisan Jawi merupakan hasil adaptasi daripada tulisan Arab yang secara tidak langsung nilai seni kaligrafinya turut menerima penyerapan dalam tulisan Jawi. Dengan ini, tulisan Jawi indah dapat dibentuk melalui seni khat Jawi.

Dalam menghayati tulisan Jawi, orang Melayu menggunakan tulisan untuk menghasilkan hasil-hasil kesusateraan dan kebudayaannya serta juga kesenian halus iaitu khat (Amat Juhari Moain, 1996). Pada peringkat awal kedatangan Islam ke alam Melayu, Seni Khat Arab banyak diperoleh melalui penemuan-penemuan artifak sejarah seperti batu-batu nisan, tembikar, tulisan khat pada wang-wang syiling dan lain-lain. Batu Nisan Phang Rang pada tahun 1039M Vietnam adalah antara contoh tulisan Arab dalam bentuk Khat Kufi indah yang dijumpai di Nusantara (Osman Mohd Yatim, 1990). Penulisnya ialah seorang yang mahir dalam seni khat yang pada ketika itu, Khat Kufi diguna pakai secara meluas di Timur Tengah dan juga Sepanyol, terutamanya dalam penyalinan naskah-naskah al-Quran (*Ensiklopedia Islam*: 2000).

Pada abad ke-13 barulah Seni Khat Arab telah diadaptasikan dalam bentuk tulisan Jawi. Batu Bersurat Terengganu 1303M telah dikenal pasti sebagai bukti penggunaan Jawi awal di alam Melayu. Namun bentuk khatnya berbeza dengan apa dilihat pada Batu Nisan Phang Rang, dengan bentuk-bentuk tulisannya yang lebih kursif dan bundar telah digunakan. Bentuk kursif dan bundar ini dikenali sebagai Khat Nasaklı. Sebenarnya terdapat sedikit persamaan dengan tulisan *Kawi* yang diguna pakai di alam Melayu sebelum kedatangan Islam. Kebanyakkan penulis manuskrip Melayu dikaitkan dengan pembesar Melayu atau sultan. Mereka bertindak sebagai penulis atau setiausaha kepada para pembesar.

Walaupun tumpuan para pengkaji lebih terarah kepada aspek ejaan Jawi yang terkandung dalam manuskrip-manuskrip lama, namun antara manuskrip yang dikaji itu adalah antara manuskrip Khat Jawi yang terindah seperti Surat Sultan Perkasa Alam, Johan, Aceh (1615M), Hukum Kanun Melaka (1761M), Bustan al-Salatin (1851M) dan Bustan al-Kaatabin (1850M). Ini menggambarkan para penulisnya telah didedahkan dengan seni khat Arab secara langsung dari orang-orang Arab yang datang ke alam Melayu atau ketika mana mereka mendalami ajaran Islam di Tanah Arab (seperti di Mekah, Mesir, Baghdad dan

<sup>1</sup> Pensyarah, Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), : 082-581727 (Pejabat)/ 013-8250628 (h/p); Faks: 082-581781